



www.unimas.my

Peneraju Masa Depan Gemilang

Persada

ISSN : 1675 - 2651

Bil. 14, Januari - Mac 2005



Profesor Dr. Abdul Rashid Abdullah

uni

LG

173

K63

P466

Bil.14

Jan-Mac

2005

*diangkat sebagai Naib Canselor,
Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)
 pada 15 Februari 2005.*



Tahun 2004 telah meninggalkan kita dan sekarang kita berada di tahun 2005. Semoga kedatangan tahun 2005 ini membawa lembaran baru yang akan dihiasi dengan pencapaian dan kejayaan yang lebih cemerlang.

Setiap kali munculnya tahun baru orang akan bertanya apakah azam baru kita. Pelbagai jawapan yang akan kita terima. Ada yang menanam azam baru; ada yang masih berazam untuk memenuhi azam tahun lepas yang belum terlaksana malah ada yang tidak mempunyai apa-apa azam. Bagi kita di Unimas, kita hendaklah menanam azam untuk melaksanakan perancangan yang teratur dan strategi yang berkesan untuk dilaksanakan pada tahun ini. Perkara ini haruslah dianggap penting kerana pelaksanaan tanpa perancangan yang teratur hanya akan membawa ke ambang kegagalan.

Kemunculan tahun baru bermakna kita perlu berusaha dengan lebih keras. Kedatangan tahun baru bermakna tempoh untuk mencapai matlamat kita semakin pendek. Jadi sayugianyalah kita berganding bahu dan mengumpul segala kudrat yang ada serta mengembling semangat berpasukan untuk melaksanakan perancangan yang telah dibuat.

Peranan kita adalah melahirkan insan yang terdidik dan memberi impak positif kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan masyarakat. Para pelajar yang kita lahirkan mestilah mempunyai kualiti dan reputasi yang tinggi untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Usaha ini memerlukan perancangan yang bersistematik serta muhasabah dan penilaian secara istiqamah. Maka, kita yang berkhidmat di institusi pendidikan mesti berani untuk berubah, berani untuk mencuba dan sentiasa berasa nikmat dan lazat untuk berhijrah ke arah kualiti yang lebih baik. Ini amat penting kerana kualiti graduan yang dihasilkan melambangkan kualiti staf yang bekerja.

Kecemerlangan individu semata-mata tidak akan berupaya menggerakkan sesebuah institusi ke arah kejayaan jika tidak dicanai dengan kecemerlangan berpasukan. Kita hendaklah bekerja secara *interdependency*, bukan lagi *dependent* atau *independent*. Setiap anggota pasukan merupakan orang yang penting dalam pasukan. Kita hendaklah mempunyai sinergi dalam menjadikan institusi kita antara yang terbaik di Malaysia.

Mutiara kata

Kuat dan jayanya suatu umat adalah kerana akhlakunya; apabila akhlakunya rosak maka binasalah umat itu. (Al-Ghazali)

Hidup yang menghidupkan orang lain ialah hidup yang berharga. (Einstein)

Apabila anda ingin jujur kepada orang lain, jujurlah lebih dahulu kepada diri sendiri. (Mahatma Gandhi)

Keyakinan ialah satu-satunya unsur perlawanan terhadap kegagalan. (Napoleon Hill)

Mengetahui apa yang anda ketahui dan mengetahui apa yang anda tak ketahui, itulah sesungguhnya mengetahui. (Confucius)

Orang terpelajar ialah orang yang pandai menggunakan waktunya untuk belajar. (Bernard Shaw)

PENASIHAT

Prof. Abdul Rashid Abdullah
ara@cans.unimas.my
Prof. Khairuddin Ab Hamid
khair@cans.unimas.my
Prof. Sulaiman Hj. Hanapi
sulaiman@cans.unimas.my
Prof. Hamsawi Sani
awi@cans.unimas.my

EDITOR

Zulkarnain Kipli
zkulkarnain@cans.unimas.my

PENOLONG EDITOR

Norinda K. Su'ut
snorinda@cans.unimas.my

PEREKA

Kamarul Amir Mohamed
amkamarul@vr.unimas.my

JURUFOTO

Haimey Abdul Razak
arhaimey@cans.unimas.my

WARTAWAN

Erwandi Bujang Senawi
serwandi@cans.unimas.my

PEMBACA PRUF

Rohaida Mohamad
mrohaida@cans.unimas.my

TEKNIKAL

Mohd Faisal Adenan
admfaial@vr.unimas.my

SUMBANGAN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Pusat Pemajuan Pelajar
Unit Sukan
Fakulti Sains Kognitif dan
Pembangunan Manusia
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan

EDARAN

Unit Penerbitan Unimas

PENERBITAN

Unit Penerbitan
Bahagian Canselori
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak.
Tel: 082-671000 Faks: 082-672406

Persada diterbitkan tiga bulan sekali sebagai wadah terkini warga kampus. Kami di Unit Penerbitan mengalu-alukan sumbangan daripada para pembaca terutama sekali warga Unimas untuk dimuatkan di dalam *Persada*. Sumbangan bolehlah dalam bentuk artikel, rencana, kertas kerja, cerpen, syair, berita semasa dan sebagainya. Setiap sumbangan boleh dialamatkan terus kepada Unit Penerbitan Unimas.

16 male and 5 female 1st Silicon employees successfully graduated

21 pioneer group of 1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd employees successfully graduate with Certificate of Electronics Engineering offered by Universiti Malaysia Sarawak (Unimas). The 9-month course was an initiative developed exclusively for 1st Silicon employees.

Earlier on, 1st Silicon signed a Memorandum of Agreement with Unimas on March 2004 with the objective to develop local talents and enhance technical capabilities among its employees.

"We are delighted with the achievements of our employees who have graduated in this program", said the Chief Executive Officer of 1st Silicon, Dr. John Nelson.

According to John, employees in the hi-tech sector are required to have technical knowledge and this is why 1st Silicon has made the effort to help local employees' to enhance their technical capabilities and career advancement opportunities.

"Collaboration helps local universities align and customize courses to meet our industry's requirement. We hope such partnerships will allow our local talent to grow and encourage other employees to obtain additional skills in the electronic engineering or any relevant hi-tech related disciplines", he added.

Unimas Vice Chancellor, Prof Abdul Rashid Abdullah said, "Unimas is fully supportive of courses such as this in order to provide life-long learning to community at large. We are also very keen on establishing research collaboration with 1st Silicon."

Other successful collaborations included seven short technical courses related to silicon technology conducted by Unimas and career talks by 1st Silicon for Unimas students on employment opportunities. 23 Unimas Engineering graduates has been employed by 1st Silicon as full time employees.

Datuk Fong Joo Chung, 1st Silicon Chairman Board of Director presented the certificates to the graduates at a ceremony held on January 7, 2005 at Senat Room, Unimas. It was also witnessed by Unimas Vice Chancellor, Deputy Vice Chancellor (Development), Assistant Registrar (Public and International Affairs) and heads of various departments from 1st Silicon.



Uni
L6
123
263
Pub6
511-14
Jan-Mar
2005

Front row
from right,
Prof. Khairuddin Ab. Hamid,
Datuk Fong Joo Chung and
Prof. Abdul Rashid

Sambutan temuduga terbuka di luar dugaan



Majlis Perasmian di Panggung Eksperimen



Dr. Othman Bojo dan Prof. Dr. Fatimah Daud

Hari Kerjaya dan Temuduga Terbuka yang dianjurkan bersama oleh Unimas dan Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia (PPPM) pada 19 Februari 2005 di Dewan Unimas, Dewan Santapan dan Panggung Eksperimen Unimas telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan di luar dugaan pihak penganjur. Temuduga terbuka oleh 18 buah agensi kerajaan dan swasta ini telah dibanjiri oleh lebih 6000 orang calon yang mencuba nasib.

Menurut Tuan Haji Saidin selaku pengerusi penganjur, kehadiran calon seramai itu adalah di luar jangkaan dan keadaan yang sesak di depan dewan telah bermula sejak jam 8 pagi lagi dan sehingga jam 2 petang masih ramai lagi calon yang menunggu dengan sabar untuk ditemuduga.

“Apa yang dapat saya lihat, rata-rata mereka yang hadir amat mengharapkan jabatan-jabatan kerajaan turut sama mengadakan temuduga terbuka ini. Malah ada yang datang dari jauh seperti Sri Aman, Sarikei dan Bintulu sejak awal pagi semata-mata untuk merebut peluang ini”, tambahnya lagi.

Sarawak merupakan negeri ketiga di Malaysia selepas Selangor dan Kelantan

yang mempunyai peratus bilangan penganggur yang tinggi di kalangan siswazah. Antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena ini ialah terlalu memilih kerja, tidak berani meneroka bidang pekerjaan yang baru, tidak mahu berjauhan dengan keluarga dan masih berharap untuk bekerja dengan pihak kerajaan sahaja. Tanggapan seperti inilah yang menyempitkan ruang dan peluang dalam persaingan merebut pekerjaan.

Di samping kurang keyakinan diri semasa temuduga, kurangnya penguasaan bahasa Inggeris juga punca utama kegagalan calon mendapatkan pekerjaan.

“Calon gagal menampakkan keyakinan diri yang tinggi di samping gagal menguasai bahasa Inggeris dengan baik untuk menyakinkan panel pemilihan semasa temuduga dijalankan,” demikian menurut Prof. Dr. Fatimah Daud, Presiden PPPM.

Tambah beliau lagi, peluang pekerjaan yang sempit turut memberi kesan besar terhadap bilangan pengangguran di Sarawak di mana sesetengah sektor hanya memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang berkelayakan minimum berbanding jawatan pengurusan dan profesional. Keadaan

ini merugikan kerajaan yang telah memperuntukkan belanja yang besar untuk melatih tenaga sumber manusia melalui pendidikan yang tinggi.

Kebanyakan calon yang hadir terdiri daripada lepasan Diploma dan SPM dari sekitar Kuching, Sri Aman, Sarikei dan Bintulu. Kebanyakannya pula adalah terdiri daripada golongan wanita. Syarikat yang menjadi tumpuan ialah Everise Departmental Store Sdn.Bhd., Komag Malaysia Bhd. dan Normah Specialist Medical Centre kerana mempunyai banyak jawatan kosong yang ditawarkan.

Selain itu acara sampingan seperti *Career Talk* juga diadakan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang peluang-peluang kerjaya lain yang boleh diceburi dan tidak terlalu bergantung kepada agensi-agensi kerajaan sahaja. Gerai jualan oleh kelab usahawan pelajar, Koperasi Unimas, Syarikat CNI, Syarikat Revell, Syarikat Luxor Network Sdn. Bhd. dan pelbagai produk kesihatan turut dijual.

Terdahulu daripada itu, Dr. Othman Bojo yang mewakili Naib Canselor Unimas dalam ucapan di majlis perasmian berkata,

inisiatif dan usaha murni PPPM ke arah penyelesaian masalah pengangguran ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan sasaran agar situasi menang-menang tercapai.

“Graduan seharusnya tidak terlalu memilih kerjaya semata-mata atas dasar ijazah yang diperoleh sebaliknya melihat konteks yang lebih luas iaitu sebagai amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul bersama. Ini adalah demi kemajuan, pembangunan dan kemakmuran negara dan bukannya mensabotaj proses-proses ini sehingga merugikan semua pihak”, tambah beliau lagi.

Temuduga terbuka sehari itu merupakan peluang dan ruang untuk mereka yang berada di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan seperti internet dan media massa untuk mendedahkan mereka kepada peluang pekerjaan yang ada di samping menemukan mereka kepada bakal majikan.

Turut hadir semasa majlis perasmian ialah TNC HEP, Pendaftar, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Pengarah RTM Sarawak, ketua-ketua jabatan, wakil agensi yang mengambil bahagian, dekan-dekan dan pegawai-pegawai Unimas.



Temuduga sedang dijalankan



Para calon sedang menunggu giliran

Kursus Pembantu Tadbir Cemerlang

Unit Latihan Unimas dengan kerjasama Irshad Consulting Sdn Bhd (ICSB) telah menganjurkan Kursus Pembantu Tadbir cemerlang pada 15 hingga 17 Februari 2005 di Pusat Latihan Staf Unimas, Bau. Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kecekapan staf sokongan dalam menjalankan tugas harian. Kursus yang dianjurkan selama tiga hari tersebut telah disertai oleh 29 orang staf sokongan dan dikendalikan oleh penceramah kursus yang berpengalaman iaitu Encik Mohd Razali Abd Rashid dari ICSB.

Antara objektif kursus ialah membantu mempertingkatkan lagi profesionalisme dan kecemerlangan pembantu tadbir di Unimas dalam menjalankan tugas harian mereka. Kursus yang dianjurkan ini diharap dapat memberi pendedahan kepada peserta kursus tentang ciri-ciri kecemerlangan diri dan mengaplikasikan pengetahuan berkenaan dalam menjalankan tugas seharian selain dapat berkongsi ilmu dengan rakan-rakan di bahagian masing-masing.

Majlis penutupan serta penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pendaftar Unimas, Prof. Hamsawi Sani.

5 elemen kemudahan bantu prestasi pelajar

“**L**ima perkara penting yang sering diabaikan merupakan antara faktor yang menyebabkan kegagalan sesetengah mahasiswa dalam meneruskan pengajian mereka”, demikian menurut Dekan Pusat Pemajuan Pelajar (PPP), Dr. Othman Bojo. Tambah beliau lagi, sistem pengajian yang diamalkan di semua universiti adalah bertujuan untuk membantu pelajar mencapai keputusan cemerlang jika mereka tahu menggunakan sistem itu secara terancang dan sempurna.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Program Peningkatan Prestasi Akademik di Pusat Latihan Staf, Unimas di Bau pada 4-6 Februari 2005. Matlamat utama program ini ialah untuk meningkatkan pemahaman mahasiswa-mahasiswi menggunakan kemahiran-kemahiran pembelajaran yang berkesan disamping memberi motivasi kepada mereka dalam usaha meningkatkan prestasi akademik. Program ini melibatkan 60 orang peserta yang mendapat keputusan akademik yang lemah iaitu CGPA kurang daripada 2.50. Antara aktiviti yang diadakan ialah dinamika kumpulan, ceramah mengenai pengurusan masa, motivasi diri dan diskusi bersama pelajar cemerlang. Yuran sebanyak RM 10.00 dikenakan kepada setiap peserta.

“Sistem semester untuk program ijazah pertama sebagai contohnya, memperuntukkan antara 6 hingga 12 semester untuk melengkapkan pengajian.

Namun begitu ada mahasiswa yang ingin bergraduasi dalam masa yang pendek tanpa memikirkan gred keputusan mereka. Bagi mereka yang berkemampuan tidak menjadi masalah tetapi bagi mereka yang kurang berkemampuan pastinya tindakan begini akan merugikan mereka sendiri. Adalah lebih baik bergraduasi dalam masa tujuh atau lapan semester dengan keputusan CGPA 3.50 daripada memperoleh CGPA 2.50 dalam tempoh enam semester”, tambahnya lagi.

Seterusnya dalam ucapannya beliau telah menambahkan empat lagi elemen yang penting yang harus difikirkan oleh mahasiswa dalam membantu mereka semasa meneruskan pengajian di universiti.

Dalam membantu pelajar mencari bahan pembelajaran, Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) telah menyediakan pelbagai bahan bercetak dan elektronik serta kemudahan internet. Namun tinjauan rambang mendapati ramai pelajar masih tidak tahu menggunakan kemudahan yang telah disediakan oleh PKMA. Pelajar seharusnya peka dengan perkara sebegini jika ingin memperbaiki diri dari segi akademik.


Sistem mentor mentee yang diperkenalkan bertujuan untuk membantu dan membimbing serta memantau prestasi seseorang pelajar yang lemah dalam sesuatu

subjek. Selain itu sistem ini juga membantu pelajar yang bermasalah dalam usaha meneruskan pengajian mereka agar terus cemerlang dalam pelajaran.

Khidmat kaunseling daripada beberapa orang kaunselor bertauliah dari PPP dan staf akademik Program Kaunseling Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia juga turut disediakan untuk membantu pelajar meningkatkan prestasi mereka. Pelajar perlu menggunakan kemudahan yang disediakan ini untuk membantu mereka mengatasi sebarang masalah dan kemusykilan yang dialami dalam pelajaran atau semasa menjalani kehidupan di kampus.

Sepanjang pengajian ada pelajar yang mendapat bantuan kewangan daripada pelbagai institusi kewangan, kerajaan dan juga swasta. Bagaimanapun ada juga yang tidak mendapat bantuan pinjaman namun mereka ini masih boleh memohon bantuan daripada pihak universiti melalui tabung kebajikan yang sedia ada. Permohonan mereka boleh dipertimbangkan jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Jika mahasiswa dan mahasiswi menggunakan kemudahan-kemudahan seperti yang telah dinyatakan dengan sebaik-baiknya adalah diharapkan mereka akan terus maju dan bersemangat untuk memperbaiki prestasi pelajaran mereka dan seterusnya mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.



Majlis Pelancaran Buletin TunAZ Kolej Tun Ahmad Zaidi



Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Ahmad Zaidi telah mengadakan Majlis Pelancaran Buletin TunAZ pada 4 Mac 2005 di *Student Lounge*, Unimas. Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Dekan Pusat Pemajuan Pelajar, Dr. Othman Bojo yang mewakili Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar, Prof. Sulaiman Haji Hanapi.

Dalam ucapan perasmianya, Dr. Othman Bojo yakin Tunaz akan menunjukkan prestasi yang baik dan berharap kolej lain akan ikut sama untuk menghasilkan buletin yang lebih menyeluruh dari segi isi kandungannya. Beliau juga berharap agar usaha ini akan berterusan dan kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak amatlah diperlukan dan juga berharap buletin ini menjadi kenangan kepada kolej berkenaan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pengetua Kolej, Encik Halikul, Felo, Puan Noorma Ismail, Ketua Penolong Pendaftar, Puan Kamaliah Shahid dan Encik Zulfadli Seddek, Presiden Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Ahmad Zaidi.

Terdahulu daripada itu, Encik Zulfadli Siddek yang juga selaku Ketua Editor Tunaz dalam ucapannya mengalu-alukan penglibatan semua pihak yang banyak membantu dalam menjayakan penerbitan Tunaz. Tambah beliau "Tunaz" ialah singkatan Tun Ahmad Zaidi dan berharap ini akan menjadi aspirasi dan kenangan kepada kolej berkenaan. Encik Halikul dalam ucapannya pula berharap kejayaan yang dikecapi merupakan titik permulaan dan akan menjadi matlamat setiap warga kolej agar dapat mempelbagaikan kemahiran dan pengetahuan warga kolej serta mengharumkan nama Unimas.



Pertandingan dikir barat peringkat IPT Sarawak

Badan Budaya Unimas (BAYU) telah menganjurkan pertandingan Dikir Barat peringkat IPT Sarawak pada 5 Mac 2005 di Dewan Unimas, Kota Samarahan. Pertandingan yang bertema "Pelajar Cemerlang, Sahsia Gemilang dan Negara Terbilang" ini telah disertai oleh empat buah pasukan dikir barat iaitu UiTM Cawangan Sarawak, Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Kota Samarahan (MPTAR), Politeknik Cawangan Kuching dan Unimas selaku tuan rumah.

Pertandingan yang bermula jam 8.30 malam telah dirasmikan oleh Encik Noor Azrul Mohd Ariff, Pegawai Kebudayaan dan Kesenian yang mewakili Timbalan Naib Canselor (HEP), Unimas. Turut hadir menyaksikan pertandingan tersebut ialah wakil Pegawai Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak, Encik Wan Din Bin Wan Mohamad dan wakil-wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar Unimas.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Zahari Mat dan diikuti ucapan perasmian oleh Encik Noor Azrul. Dalam ucapan perasmianya, beliau menyeru pelajar bergiat aktif dalam aktiviti kebudayaan bagi merapatkan jurang budaya antara pelajar dan tidak hanya terikat kepada negeri-negeri tertentu sahaja.

Majlis tersebut dimulakan dengan persembahan pembukaan oleh kumpulan Dikir Barat dari SMK Muara Tuang yang dijemput khas untuk mempersembahkan dikir barat mereka. Kumpulan tersebut pernah menjadi naib johan dikir barat peringkat negeri Sarawak. Pasukan dikir barat pertama yang mempersembahkan kehebatan mereka ialah dari UiTM, Cawangan Sarawak, diikuti pasukan dari Unimas, pasukan MPTAR dan akhir sekali pasukan dari Politeknik.

Para hakim yang mengadili pertandingan tersebut ialah Encik Roslan Abdul Rahim selaku ketua hakim, Encik Mohd

Nasir Ibrahim dan Encik Adnan Jusuh. Antara kriteria yang dihakimi ialah dari segi lagu yang dipersembahkan, pakaian, alatan dan persembahan oleh Juara dan Tukang Karut.

Sementara menunggu keputusan daripada panel hakim, penonton telah dihiburkan dengan persembahan nyanyian lagu asli dan lagu Cindai oleh pelajar Unimas. Cabutan nombor bertuah juga diadakan.

Keputusan bagi Juara terbaik disandang oleh pasukan Politeknik manakala bagi Tukang Karut terbaik disandang oleh pasukan Unimas. Bagi pasukan terbaik, johan dimenangi oleh pasukan Unimas dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM700 beserta trofi, naib johan pasukan Politeknik dan membawa pulang trofi dan tempat ketiga dimenangi oleh pasukan UiTM dan membawa pulang trofi.

Penyampaian hadiah kepada pemenang dan cenderamata kepada hakim telah disempurnakan oleh Encik Noor Azrul.



Temuduga terbuka

di Unimas





Sekitar Sirkit

MASUM ke-3



Sembang Siswa Bersama Waheeda



Pada 3 Mac 2005 telah berlangsung program Sembang Siswa Bersama Waheeda yang diadakan di Dewan Unimas. Program tersebut telah dianjurkan bersama oleh Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, dan Majlis Perwakilan Pelajar Unimas.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh saudara Aziz Sanusi. Seterusnya penonton dihiburkan dengan sketsa bertajuk "Samseng" yang dijayakan oleh pelajar Unimas. Pengarah projek, saudara Yap Shii Zui, dalam ucapannya mengalu-alukan kedatangan para hadirin serta menerangkan objektif utama program tersebut diadakan.

Dalam ucapan perasmiannya, Dr.



Othman Bojo selaku Dekan Pusat Pemajuan Pelajar mengucapkan syabas kepada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang telah berjaya menganjurkan program tersebut. Beliau juga memaklumkan bahawa program yang dianjurkan ini bertujuan mengutip derma bagi tabung kanak-kanak pesakit kronik.

Bagi menjayakan program tersebut, pihak penganjur telah menjemput Waheeda iaitu penyanyi berunsur dakwah yang semakin diminati ketika ini untuk sama-sama memberi idea dan pendapat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan mahasiswa dan mahasiswi.

Beberapa orang penceramah juga telah dijemput untuk memberi pendapat dan pandangan mereka mengenai isu-isu semasa. Program tersebut turut diselitkan dengan majlis penyampaian replika cek yang disampaikan oleh Prof. Sulaiman Haji Hanapi kepada wakil kanak-kanak pesakit kronik berjumlah RM4000.

Penyampaian cenderamata kepada ahli panel telah disampaikan oleh Dekan Pusat Pemajuan Pelajar dengan diiringi oleh pengarah program. Acara penutupan program telah diserikan dengan persembahan nyanyian oleh Waheeda.

Turut hadir ialah Timbalan Dekan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Dr. Rusli Ahmad, Puan Raja Mazhatul dan wakil penaja.

Malam Anugerah Pelajar 2004/2005

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2004/2005 telah menganjurkan Malam Anugerah Pelajar 2004 pada 1 Februari 2005 di hotel Holiday Inn, Kuching. Majlis tersebut diadakan sebagai menghargai pelajar yang telah banyak memberi sumbangan dan sekaligus mengharumkan nama universiti. Majlis yang bermula jam 8.30 malam itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) Unimas, Prof. Sulaiman Haji Hanapi.

Majlis dimulakan dengan persembahan tarian oleh Kelab Bayu Unimas dan diikuti dengan bacaan doa oleh Hafizzurrahman Mazlan. Selepas itu, majlis diteruskan dengan ucapan oleh pengarah projek, Mohd Shahfiz bin Azman, diikuti ucapan Yang DiPertua MPP, Md Roslan bin Abd Wahab, dan akhir sekali ucapan perasmian majlis oleh Prof. Sulaiman.

Sebanyak sepuluh anugerah telah disampaikan. Bagi setiap penyampaian anugerah diselangi dengan persembahan-persembahan oleh kumpulan nasyid Unimas, koir Unimas dan persembahan tradisional India. Anugerah pertama yang disampaikan ialah Anugerah Sri Kenyalang. Penerima-penerimaanya ialah Jeffrey Apdal, Adnan Bausah, Md Norazlin Abu Kasim, Ahmad Ikhwani Haji Muftahuddin, Zahari Mat, Timothy Nyindang, Hazam Mohamad Zudin, Mohd Shahren Mohd Yusni, Nurfadzillah Alias dan Firuz Abadi Ishak.

sambungan ke muka surat 11...

... sambungan dari muka surat 10



Prof. Sulaiman Hj. Hanapi

Penerima Anugerah Jasa Bakti telah disandang oleh Unit Tarian Badan Budaya Unimas, Kelab Taekwando, Kuiz Fisiologi dan juga Siti Salwa Ahmad Zur. Bagi penerima Anugerah Mahasiswa Cemerlang disandang oleh Ahmad Fithri Azam Abdul Rahman dan juga Siti Nur Amini Mohd Amin. Md Roslan Abdul Wahab telah dipilih sebagai penerima Anugerah Pengarah Projek Terbaik bagi tahun 2004. Selain itu, majlis tersebut turut memberi penghargaan kepada beberapa kelab dan persatuan yang telah menunjukkan pencapaian yang baik. Penghargaan juga turut diberikan kepada kelab dan persatuan harapan.

Sijil penghargaan juga diberikan kepada bekas MPP 03/04, pegawai pengiring 03/04, Persatuan Fakulti dan Kolej Kediaman. Majlis penyampaian anugerah dan sijil telah disempurnakan oleh Prof. Sulaiman.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis pada malam tersebut ialah Dekan Pusat Pemajuan Pelajar, Dr. Othman Bojo, wakil pengarah Pejabat Kesenian dan Kebudayaan Warisan Negeri Sarawak, Encik Sarini Lohi, wakil syarikat Vico, Encik Mohd Syafik Abdullah, wakil Syarikat Ayam Brand, Encik Micheal Kong, dekan-dekan, timbalan dekan, mantan MPP 2003/2004, presiden persatuan/kelab dan kolej kediaman serta pegawai pengiring 03/04.

Latihan medium penting tingkatkan kemahiran



Tenaga sumber manusia merupakan elemen yang penting dan merupakan nadi bagi sesebuah organisasi. Tanpa tenaga kerja yang berkualiti, sukar bagi sesebuah organisasi tersebut berkembang dengan baik. Seajar dengan itu Universiti Malaysia Sarawak melalui Unit Latihan telah merancang pelbagai latihan, kursus dan bengkel kepada staf dalam usaha melahirkan staf yang kompeten, kompetitif serta berkualiti. Untuk mengetahui lebih lanjut apakah peranan dan perancangan yang akan dilakukan oleh Unit Latihan pada tahun ini, wakil PERSADA, Norinda K. Su'ut telah sempat mewawancara Penolong Pendaftar Unit Latihan, Encik Zulkar naen Ali.

Apakah objektif dan matlamat Unit Latihan diwujudkan?

Z@: Objektif utama Unit Latihan ialah untuk merancang, menyediakan dan melaksanakan latihan yang secukupnya berdasarkan keperluan staf dari segi pembangunan manusia. Latihan yang terancang dan strategik akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf dalam pelaksanaan serta membentuk sikap yang sesuai dengan nilai-nilai teras Unimas. Ini akan membantu universiti melahirkan staf yang kompeten, kompetitif dan berkualiti.

Bagaimana pula dengan perancangan latihan untuk tahun ini?

Z@: Unit Latihan akan melaksanakan latihan yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran, pengetahuan, sahsiah dan nilai peribadi staf. Latihan juga akan dilaksanakan dengan skop yang lebih meluas bukan sahaja kepada aspek pengurusan tetapi juga kepada aspek teknikal dan pembentukan nilai diri staf.

Berapa banyakkah latihan yang telah dirancang untuk staf di semua peringkat?

Z@: Untuk Program Latihan Dalaman (PLD), sebanyak 41 program telah dirancang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Latihan Unimas tidak termasuk program yang dijalankan dua sesi dalam setahun. Selain latihan-latihan berbentuk pengetahuan pengurusan, terdapat juga latihan untuk peningkatan kemahiran dan teknikal seperti kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurusan makmal dan IT. Kursus peningkatan nilai staf seperti Pembangunan Pasukan Bersepadu, Modul A, kursus Bahasa Inggeris untuk kumpulan Pengurusan dan Profesional juga akan diadakan.

Di manakah latihan-latihan ini akan dijalankan?

Z@: Latihan akan diadakan di Bilik Belian dan Pusat Latihan Staf (PLS), Bau. PLS sedang dalam proses dinaiktarafkan dari segi kemudahan-kemudahan yang ada bagi memastikan keselesaan staf semasa berkursus. Antara kemudahan yang akan disediakan seperti penghawa dingin di setiap bilik apartmen staf, karpet, alat multi media di dewan seminar, kemudahan rekreasi dan hiburan, dewan makan, landskap, peralatan hubungan yang dijangka dapat disediakan sepenuhnya pada suku ketiga tahun ini.

Setelah diberikan latihan, apakah nampak perubahan ketara bagi staf yang telah mengahdirinya?

Z@: Itulah harapan pihak pengurusan kepada staf yang telah menghadiri latihan. Latihan yang diberikan bukan hanya bertujuan untuk memastikan staf hanya tahu melaksanakan kerja tetapi juga tahu meningkatkan mutu kerja dari segi kualiti dan produktiviti kerja selain menerapkan nilai dan sikap positif. Ini seiring dengan perancangan pihak Pengurusan Unimas di samping memastikan staf bergerak lebih proaktif seiring dengan misi dan visi universiti.

Bagaimanakah cara Unit Latihan menilai keberkesanan latihan yang telah diberikan kepada staf?

Z@: Unit latihan menyediakan Borang Penilaian Keberkesanan Kursus/Latihan yang dikepilkan bersama-sama dengan surat tawaran kursus kepada Ketua Jabatan setiap kali seseorang staf ditawarkan untuk menghadiri kursus. Borang itu perlu dikembalikan ke Unit Latihan dalam masa tiga bulan selepas staf kembali dari kursus tersebut dan lengkap diisi oleh Ketua Jabatan mengenai sebarang perubahan dalam pelaksanaan kerja dan

sambungan ke muka surat 12...

... sambungan dari muka surat 11

etika staf selepas menghadiri kursus tersebut. Maklumbalas ini merupakan indikator utama kepada unit ini untuk menilai keberkesanan kursus yang dijalankan di samping pemerhatian sendiri oleh Pejabat Pendaftar.

Adakah Unit Latihan mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menampung kos latihan yang telah dirancangan?

Z@: Setakat ini pelaksanaan Unit ini adalah berdasarkan perancangan asal dan kita tidak nampak sebarang masalah kewangan selagi latihan dilaksanakan mengikut perancangan asal. Saya percaya pihak Pengurusan Unimas memberikan sokongan sepenuhnya kepada perancangan unit ini dan mereka juga telah membantu memberi sumbangan idea, komen dan cadangan yang membina dan ini banyak membantu unit ini melaksanakan latihan yang lebih berkesan kepada staf Unimas.

Selain mengikuti latihan yang dianjurkan oleh Unit Latihan, adakah staf dibolehkan

Tips

Teknik Penjagaan Komputer

Masalah Suhu

- Pastikan komputer diletakkan di dalam bilik yang sejuk dan kering.
- Elakkan dari terkena air atau cahaya matahari.
- Contoh tempat yang sesuai:
 - Bilik yang berhawa dingin.

Masalah Habuk

- Setiap komponen elektronik yang terdapat di dalam komputer amat sensitif pada habuk.
- Sentiasa bersihkan habuk yang ada di sekitar komputer.
- Cara pencegahan;
 - Tutup komputer dengan plastik komputer jika tidak digunakan.
 - Gunakan Vacum cleaner yang berkuasa rendah dan berus kering untuk menyedut habuk-habuk yang terdapat pada komputer anda.

mengikuti latihan-latihan yang berkaitan dengan bidang tugas mereka yang dianjurkan oleh pihak luar? Jika boleh, bagaimanakah cara untuk memohon?

Z@: Boleh. Kita mempunyai peruntukan untuk menghantar staf berkursus bagi mengikuti Program Latihan Luaran (PLL) tetapi bergantung kepada beberapa perkara sebelum permohonan tersebut diluluskan. Antaranya ialah mendapat sokongan ketua jabatan, kursus tersebut telah dirancang terlebih dahulu, kursus yang dipohon tidak ada dalam perancangan program latihan dalaman unit ini dan kursus tersebut hendaklah relevan dengan bidang tugas staf tersebut.


Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang Permohonan Menghadiri Latihan/Kursus di Unit Latihan atau memohon secara online di laman web Unimas.

Ada pihak yang mencadangkan perlunya penceramah daripada luar Unimas memberi ceramah bagi mendedahkan staf kepada situasi luar. Apakah komen Encik Zulkarnaen sendiri?

Z@: Itu yang kita amalkan sekarang dan pada masa akan datang. Selain daripada menggunakan tenaga pakar dari Unimas sendiri, Unit Latihan akan menjemput konsultan dari syarikat luar untuk menjadi *Training Provider* untuk Program Latihan Dalaman yang telah dikenalpasti dengan harapan ia akan dapat menerapkan nilai-nilai korporat dan pendekatan latihan dari dimensi yang berbeza daripada kebiasaan.

Apakah harapan Encik Zulkarnaen daripada kursus yang telah dan akan dijalankan pada tahun ini?

Z@: Harapan saya adalah untuk melihat latihan pada tahun ini mampu menjadi medium utama dalam meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan sahsiah staf di samping menjadi ruang untuk staf berkomunikasi dan berkumpul dari semua Fakulti, Bahagian, Institut dan Pusat yang berlainan. Pada masa yang sama ini akan menambahkan motivasi serta 'sense of belonging' staf kepada universiti dan menambahkan kecekapan operasi harian di F/B/I/P masing-masing dengan adanya staf yang kompeten dan berpengetahuan.



Masalah Virus

- Virus amat mudah merebak melalui internet.
- Install antivirus yang terkini dan sentiasa pastikan ianya diupdate.
- Antivirus hendaklah diupdate sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

Makanan dan Minuman

- Elakkan dari makan dan minum di atas meja komputer anda.

Cara penggunaan

- Jangan BUKA dan TUTUP PC anda sesuka hati.
- Gunakan cara menutup PC anda dengan betul iaitu dengan menekan menu start-shut down.

Penyelenggaraan

- Delete fail atau folder yang tidak diperlukan.

- Delete cookies atau history (Internet Explorer).
- Uninstall mana-mana software yang tidak diperlukan lagi.
- Lakukan scandisk dan defrag secara berkala.

Sekian terima kasih.

Sumber: Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CAIS), Unimas.

Sajak

Tsunami

Takdir yang menentukan segalanya
Siapalah kita untuk bertanya kerana itu adalah ujian dan dugaan
Untuk menduga sejauh mana kesabaran dan keimanan
Namun dalam kepayahan, lahir jua rasa keinsafan
Antara kita semua makhluk Allah yang lemah
Mencari sinar kebahagiaan untuk merenangi suka duka kehidupan duniawi
Ingat mengingati sesama kita untuk mendapat barakah Ilahi

- NIY'05 -

Program Anak Angkat Ke Rumah Panjang Gensurai Layar

Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kenanga telah menganjurkan program anak angkat di Rumah Panjang Gensurai, Daerah Betong, Sarawak pada 21-23 Januari 2005. Program yang bertemakan "Integrasi Budaya Pemangkin Ilmu" telah disertai oleh 40 orang siswa siswi Unimas serta lima orang staf. Program ini diketuai oleh Christina Koscreim ak Sious selaku pengarah projek.

Program yang dianjurkan ini bertujuan bagi merapatkan hubungan silaturahim antara kaum serta memberi peluang kepada peserta mempelajari keunikan tradisi, cara hidup, adat resam serta budaya kaum Iban di rumah panjang. Program yang julung kalinya diadakan ini diharapkan dapat memupuk semangat mesra dan kerjasama antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama. Contohnya, dalam aktiviti membuat persiapan untuk malam mesra, gotong-royong, sukaneka dan persembahan pada malam mesra. Di samping itu, program yang dianjurkan ini dapat memberi keyakinan kepada para peserta supaya tidak ragu-ragu melawat rumah panjang.

Rombongan program telah disambut penuh meriah oleh pihak tuai Rabong dan penghuni Rumah Panjang Gensurai Layar dengan diiringi muzik tradisional kaum Iban. Tuai Rumah Rabong juga memberi sedikit penerangan kepada peserta program tentang kemudahan-kemudahan yang terdapat di situ. Antara atur cara program adalah "ice breaking" iaitu peserta program dikehendaki untuk memperkenalkan diri masing-masing kepada semua penghuni rumah panjang bertujuan agar semua peserta dan keluarga angkat saling mengenali antara satu sama lain. Peserta juga turut memberi taklimat kepada penghuni rumah panjang bagaimana cara memohon untuk memasuki universiti dan juga cara untuk mendapatkan pinjaman dan biasiswa. Penghuni rumah panjang turut diberikan buku panduan akademik dan diberi peluang untuk menonton 'slide show' tentang Unimas.

Peserta program turut membantu penghuni rumah panjang bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar rumah panjang bagi persiapan untuk malam mesra. Pada sebelah malam pula telah diadakan perasmian malam mesra oleh Tuai Rumah Rabong serta tetamu jemputan dari SALCRA. Acara pada malam tersebut diserikan dengan pertandingan kumbang dan keling. Turut diadakan juga majlis penyampaian hadiah kepada pemenang sukaneka, hadiah rui tercantik dan juga penyampaian cenderamata kepada semua keluarga angkat serta sesi bergambar sebagai kenang-kenangan.

Hari Keluarga Kolej Seroja



Majlis Perwakilan Kolej Seroja telah menganjurkan Hari Keluarga Kolej Seroja pada 26 dan 27 Februari 2005 di Perkarangan Kompleks Sukan Unimas. Program yang diadakan selama dua hari tersebut disertai oleh penghuni serta kakitangan kolej berkenaan. Antara objektif program tersebut ialah bagi mewujudkan suasana kekeluargaan serta merapatkan tali silaturahim serta menggalakkan amalan cara hidup sihat di kalangan penghuni dan kakitangan kolej berkenaan. Program ini memberi pendedahan kepada warga kolej tentang aspek pengurusan diri melalui pameran dan ceramah yang turut diadakan pada program tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah kesihatan dan pengurusan, bengkel kecantikan dari AVON dan Mustika Ratu serta beberapa acara sukan seperti bola jaring, bola tampar, badminton serta acara sukaneka. Selain aktiviti sukan, turut diadakan pertandingan memasak tanpa menggunakan api, hiasan kek serta gubahan hantaran.

Pada sebelah malamnya diadakan pertandingan karaoke untuk mencungkil bakat pelajar serta kakitangan kolej. Majlis penyampaian hadiah dan penutupan rasmi Hari Keluarga Kolej Seroja telah disempurnakan oleh Pengetua Kolej, Puan Inson Din.



Aneka peristiwa

1 Januari 2005

Pihak Pengurusan Unimas telah membuat pelantikan bagi tempoh dua tahun bagi pegawai-pegawai berikut:

Prof. Murtedza Mohamad

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Berkuatkuasa pada 1 Januari 2005

Encik Wan Jamarul Imran Wan Thani

Timbalan Dekan (Prasiswazah dan Pemajuan Pelajar) FSGK.

Berkuatkuasa pada 1 Januari 2005

Prof. Madya Dr. Padmini Venkataramani

Ketua Jabatan Pediatrik dan Kesihatan Anak, FPSK. Berkuatkuasa pada 1 Disember 2004

Dr. Annuar Rapae

Ketua Jabatan Perubatan, FPSK Berkuatkuasa pada 1 Disember 2004

Dr. Mohd Zamrin Dimon

Ketua Jabatan Bedah, FPSK Berkuatkuasa pada 1 Disember 2004

Prof. Madya Dr. Mohd Azhar Mohd Noor

Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, FPSK Berkuatkuasa pada 1 Disember 2004

Prof. Madya Dr. Mariah Ahmad

Ketua Jabatan Perubatan Komuniti dan Kesihatan Awam, FPSK Berkuatkuasa pada 1 Disember 2004

Encik Fathan Soetrisno

Ketua Program Pengurusan Perniagaan, FEP Berkuatkuasa pada 1 Disember 2004

Encik Muhd Suhaidi Salleh

Ketua Program Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan, FSS Berkuatkuasa pada 1 Disember 2004

Puan Suseela Devi Chandran

Ketua Program Kajian Antarabangsa, FSS Berkuatkuasa pada 1 Disember 2004

Dr. Rozati Bt Ibrahim

Ketua Program Kejuruteraan Perisian, FSKTM Berkuatkuasa pada 1 November 2004

3 Januari 2005

Bermula pada 3 Januari 2005, Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia akan bertanggungjawab dalam mengendalikan kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi staf akademik. Segala urusan yang berkaitan akan dikendalikan oleh Penolong Pendaftaran, Encik Mohd Azhar Mohd Zain.

3 Februari 2005

Bersempena dengan Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai pada 1 Februari hingga 30 Jun 2005, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah mengadakan kaunter terbuka di Lobi Canselori bagi merealisasikan Sistem Tadbir Sendiri yang mula dilaksanakan dalam Tahun Taksiran 2004. Ini untuk memudahkan lagi staf Unimas mengurus pembayaran cukai masing-masing.

4 Februari 2005



Badan Budaya Unimas (BAYU) sekali lagi telah mengharumkan nama Unimas apabila memenangi beberapa kategori pada Pertandingan Lagu Asli dan Tarian Peringkat IPT Sarawak yang dianjurkan oleh UiTM Kota Samarahan. Saudari Shaleidyafiza Bujang telah menjadi juara bagi kategori Penyanyi Lagu Asli Terbaik sementara Kumpulan Tari BAYU Naib Johan Tarian Kreatif. Saudari Shaleidyafiza Bujang telah menyanyikan lagu Zapin Budi dan Sayang Musalmah sementara Kumpulan Tari BAYU telah mempersembahkan tarian kreatif bertajuk Lingu.

7 Februari 2005

Prof. Hj. Sulaiman Hj. Hanapi telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) berkuatkuasa pada 5 Disember 2004 hingga 1 Oktober 2005. Lantikan tersebut adalah secara kontrak.

7 Februari 2005

Untuk memudahkan staf dan pelajar Unimas yang belum menukar Kad Pengenalan (KPT) kepada MyKad, Unit Khas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak telah mengadakan kaunter terbuka di Lobi Canselori. Kebanyakan staf dan pelajar telah mengambil peluang tersebut untuk memperbaharui kad pengenalan masing-masing.

14 Februari 2005

Institut Pengajian Asia Timur telah mengadakan satu seminar yang bertajuk "Objects of Culture: Collecting Bidadayehness in Sarawak Malaysia" di Bilik Senat. Penceramah jemputan ialah Cik Liana Chua.

15 Februari 2005

Satu lagi seminar telah dianjurkan oleh Institut Pengajian Asia Timur bertajuk "Presentation of Orang Ulu Socio - Economic Research" di Bilik Mesyuarat Canselori. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Francis Lian.

16 Februari 2005

Badan Budaya Unimas (Bayu) telah menganjurkan *band fair* 2005 yang telah diadakan di Dewan Unimas, Kota Samarahan. Program ini bermula jam 8.15 malam. Program ini diadakan bagi mencungkil bakat-bakat baru di kalangan pelajar untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Sebanyak sembilan buah kumpulan band yang terdiri daripada pelajar dan staf Unimas telah membuat persembahan pada malam tersebut. Program ini diharap dapat memupuk budaya sihat di kalangan pelajar dan mengelakkan mereka terjebak di dalam aktiviti yang kurang sihat.

18 & 19 Februari 2005



Unimas melalui Unit Komunikasi Koperat telah dijemput mengikuti Pameran Karnival Pendidikan 2005 di Tebingan Sungai Kuching.

23-24 Februari 2005

Unimas dipilih menjadi tuan rumah Mesyuarat Majlis Tatatertib dan Disiplin Universiti-universiti Malaysia (MATDUM) di



26 Februari 2005

MASNITA telah membuka tirai 2005 dengan menganjurkan satu senamrobik di Dataran Canselor. Senamrobik tersebut telah dipimpin oleh Cikgu Laila Ibrahim dan terbuka kepada semua warga Unimas.

27 Februari 2005

Persatuan Boling Padang Sarawak dengan kerjasama Unit Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan Klinik Boling Padang di Gelanggang Boling Padang, Persatuan Boling Padang Sarawak, Petra Jaya. Khusus ini bertujuan untuk mendedahkan staf dan pelajar Unimas yang berminat dalam sukan tersebut. Tiada sebarang yuran dikenakan bagi semua peserta.

7 Mac 2005

Sekumpulan pelajar Fakulti Ekonomi dan Perniagaan dengan kerjasama *The Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SSPCA)* dan Whiskas telah mengadakan kempen memelihara serta menderma makanan kucing pada 7 hingga 12 Mac 2005 di Unimas. SSPCA merupakan pertubuhan kebajikan binatang yang bergerak atas sokongan dan derma orang ramai bagi menjalankan aktiviti penjagaan binatang termasuk rawatan perubatan, makanan dan kebajikan lain. Kempen ini bertujuan bagi menyedarkan masyarakat umum tentang perlunya menyayangi binatang dan sekali gus bagi menambah tabung kewangan untuk keperluan penjagaan binatang.

8 Mac 2005

Bagi mengatasi serta menyedarkan warga Unimas tentang gangguan seksual di pejabat, Unit Latihan dengan kerjasama Pertubuhan Wanita Untuk Wanita, Sarawak (SWWS) telah menganjurkan satu bengkel berkaitan di Bilik Belian. Seramai 33 orang staf Unimas telah mendaftar sebagai peserta dan sekali gus mengikuti bengkel tersebut. Diharap dengan adanya bengkel sebegini kita akan lebih bertatasusila semasa berada di pejabat.

Sirkit MASUM III



Dr. Othman Bojo menyampaikan hadiah kepada ketua kumpulan sepak takraw UPM.

Unimas telah dipilih sebagai tuan rumah sirkit MASUM ke-3 yang diadakan pada 5 dan 6 Februari 2005. Acara yang dipertandingkan sepanjang kejohanan tersebut ialah badminton dan sepak takraw. Pertandingan badminton diadakan di Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Kota Samarahan manakala pertandingan sepak takraw diadakan di Datuk Kawada Indoor Stadium, Taiyo Yuden, Kuching.

Sebanyak 10 buah pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan badminton termasuk pasukan tuan rumah Unimas. Setiap pasukan yang bertanding diwakili oleh enam orang peserta bagi acara perseorangan dan empat pasangan bagi acara bergu untuk lelaki dan wanita.

Format "kalah mati" digunakan di mana peserta yang berjaya akan melangkah ke peringkat yang seterusnya. Johan bagi perseorangan lelaki telah dimenangi oleh A'Amir Hashim dari UPM, naib johan oleh Lai Ton Hong dari UM dan tempat ketiga ialah Ahmad Hafizuddin dari UiTM. Manakala bagi acara perseorangan wanita, johan telah dimenangi oleh Ooi Chia Ee dari USM, naib johan ialah Tanuasha dari MMU dan tempat ketiga Yap May Yan dari UTM.

Dalam acara bergu lelaki, johan telah dimenangi oleh Zulkefle dan Mohd Najib dari UiTM, naib johan ialah Mohd Faris dan Nik Azli Shah juga dari UiTM manakala tempat ketiga dimenangi oleh Tay Kiah Tat dan Lim Tuah Jin dari UTM. Sementara bagi acara bergu wanita, johan telah dimenangi oleh Rashleen dan Che Nadia dari UiTM, naib johan oleh Ng Hui Hwa dan Phua Pei Pei dari UM dan tempat ketiga ialah Wong Sue Lyn dan Priscilla dari MMU.

Dalam pertandingan sepak takraw pula, sebanyak 18 regu telah mengesahkan penyertaan dan dibahagikan kepada enam kumpulan. Setiap kumpulan diwakili oleh tiga regu. Pusingan pertama, setiap regu akan bertarung sesama sendiri bagi memilih dua regu yang akan melangkah ke pusingan kedua yang menggunakan format "kalah mati". Johan telah disandang oleh regu UPM B, naib johan ialah UPM A dan tempat ketiga ialah UPM C.

Walaupun pasukan Unimas gagal menyerlah, pertandingan tersebut sedikit sebanyak telah memberi pendedahan yang berguna kepada mereka yang pertama kali menyertai pertandingan tersebut agar berusaha lebih gigih bagi meningkatkan prestasi pada masa akan datang.

Majlis penutupan dan penyampian hadiah bagi kedua-dua pertandingan tersebut telah disempurnakan oleh Dekan Pusat Pemajuan Pelajar, Dr. Othman Bojo di Dewan Maktab Perguruan Tun Abdul Razak.



Tahniah

Kepada



Profesor Dr. Abdul Rashid Abdullah

atas pelantikan sebagai

**NAIB CANSOLOR
Universiti Malaysia Sarawak
(Unimas)**

Daripada,

*Pengerusi Lembaga Pengarah
Ahli-ahli Lembaga Pengarah
Staf dan pelajar*

ISSN 1675-2651



9 771675 265001 4